

Headline	FRIM-Nahrim bekerjasama dalam penyelidikan air		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	22 Sep 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	20	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	429 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,557
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,671



## FRIM-Nahrim bekerjasama dalam penyelidikan air

**I**NSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) baru-baru ini menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (Nahrim) di FRIM, Kepong semalam bagi meneruskan kerjasama penyelidikan antara kedua-dua pihak dalam bidang sumber air, perhutanan dan alam sekitar.

Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod** berkata, tasik dan kolam mempunyai nilai estetika di FRIM dan perlu dipelihara memandangkan agensi berkenaan mempunyai hala tuju untuk mencapai pengiktirafan Tapak Warisan Dunia (WHS) bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) menjelang tahun 2020.

“Kerjasama Nahrim diharapkan dapat membantu FRIM seterusnya dalam pemuliharaan kolam dan tasik tersebut,” ujarnya.

Beliau menyatakan demikian selepas menandatangani MoU tersebut bagi mewakili FRIM, manakala Nahrim diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Ir. Dr. Azuhan Mohamed.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) FRIM, Dr. Ismail Harun dan Pengarah Pusat Kajian Kualiti Air dan Alam Sekitar Nahrim, Ir. Dr. Lee Hin Lee. Turut hadir Pengarah Perancangan Penyelidikan FRIM, Dr. Nur Supardi Md. Noor; Pengarah Kewangan FRIM, Zamshari Abd. Rahman dan Ketua Program Ekohidrologi, Dr. Siti Aisah Shamsuddin.

Tambahan pula, kata beliau sebagai kawasan hulu tadahan air yang berasal dari Bukit Lagong, FRIM mempunyai bekalan sumber air bersih yang bukan sahaja merupakan sumber air mentah untuk kegunaan domestik bagi komuniti FRIM tetapi juga ekosistem di hiliran Sungai Kroh.

Sumber air tersebut juga boleh menyumbang kepada



**ABD. LATIF MOHMOD (tengah) dan Azuhan Mohamed bertukar-tukar dokumen selepas majlis menandatangani MoU antara FRIM dan Nahrim di Kepong baru-baru ini. Turut kelihatan Ismail Harun.**

kolam air yang terdapat di FRIM dalam usaha memelihara kualiti air kolam tersebut.

FRIM dan Nahrim mula mengadakan kerjasama penyelidikan pada tahun 2014 sehingga tahun lalu menerusi projek Pemuliharaan Kualiti Air Kolam FRIM yang dijalankan oleh agensi berkenaan dengan menggunakan teknologi penapisan air (*biofilter*) dan juga fitoremediasi.

FRIM dengan keluasan 544.3 hektar (ha) yang terletak di kawasan hulu tadahan air, mempunyai beberapa buah jasad air terutama kolam dan tasik yang memerlukan pengurusan yang lebih sempurna.

Selaras dengan Dasar Sumber Air Negara (DSAN) dan untuk pengurusan sumber air yang berkesan, penggunaan air alternatif amatlah digalakkan.

FRIM mula menggunakan sistem penuaian air hujan (*rain water harvesting*) untuk kegunaan air bukan domestik. FRIM berharap dengan kepakaran Nahrim berkaitan dengan sistem ini dapat memajukan lagi aplikasi teknologi hijau di premis ini, selain dapat menjimatkan kos

pengurusan.

Selain itu, FRIM melalui MoU ini berpeluang meningkatkan kapasiti penjawat awam menerusi Program Ekohidrologi FRIM khususnya dalam bidang sumber air atau hidrologi yang lain yang dikaitkan dengan perhutanan. Kajian seperti kesan perubahan iklim terhadap sumber air dari kawasan tadahan berhutun juga penting dan telah banyak dikaji oleh Nahrim.

Nahrim juga memperoleh peluang untuk mempelajari dan bekerjasama dengan FRIM berkaitan bidang kajian perhutanan yang lain selain sumber air.

Pelbagai program boleh dijalankan melalui MoU tersebut yang melibatkan penjawat awam seperti lawatan sambil belajar ke makmal yang bersesuaian dan juga nasihat teknikal dalam menerbitkan hasil penyelidikan seperti laporan, buku dan kertas kerja dalam jurnal berimpak faktor tinggi.

Selain itu, kerjasama tersebut juga melibatkan pertukaran singkat penyelidik serta kakitangan dan maklumat antara FRIM dan Nahrim.